

# MAJLIS KHATAN PERDANA PANGKALAN UDARA SUBANG 2017



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2752-majlis-khatan-perdana-pangkalan-udara-subang-2017](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2752-majlis-khatan-perdana-pangkalan-udara-subang-2017)

SUBANG, 7 Dis 2017 – Pangkalan Udara Subang telah menganjurkan Majlis Khatan Perdana melibatkan 31 anak pegawai dan Anggota LLP pangkalan dan unit lojer. Program ini merupakan anjuran Pejabat Agama (KAGAT) dengan kerjasama 819 RSAT PU Subang dan Tim Perubatan IPP.

Majlis telah dirasmikan oleh Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Dato' Shamsudin bin Kassim TUDM serta disaksikan oleh Pengarah IPP, YBhg Brig Jen Dato' (Dr) Zahari bin Jusoh, Pegawai-pegawai Pangkalan, serta para ibu bapa kepada anak-anak yang terlibat.

Majlis dimulakan dengan pendaftaran dan perasmian oleh Komander Pangkalan serta diserikan dengan paluan kompong oleh Pasukan Kompang Pangkalan di Dewan Ababil sebelum sesi perarakan 31 anak anggota yang terlibat di 819 RSAT.

